

# DIMENSI KOOP

ISSN -1823 - 1586 / BIL.82 [1/2025] / RM8.50



**ASEAN**  
MALAYSIA 2025  
INCLUSIVITY AND SUSTAINABILITY



MEMPERKASA GERAKAN  
**KOPERASI**  
**ASEAN 2025**



MS ISO 9001:2015



CERTIFIED  
REG. No. QMS 01443

ISSN 1823-0008

01586

ISSN 1823-1586  
RM 8.50  
Bil. 82 (1/2025)  
[www.ukma.edu.my](http://www.ukma.edu.my)



9 771623 000003

# *Dari Meja* **KETUA EDITOR**



“ Dengan mandat Kepengerusian ASEAN 2025, Malaysia berpeluang untuk membawa suara gerakan koperasi ke meja rundingan, menyuntik agenda keterangkuman dalam pembangunan, serta mengetengahkan potensi koperasi sebagai pemacu ekonomi masyarakat akar umbi.



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera buat seluruh warga koperator,

Tahun 2025 bakal menjadi detik penting buat Malaysia apabila sekali lagi diberi kepercayaan untuk memegang tampuk Kepengerusian ASEAN. Peluang ini bukan sahaja memperkuuh peranan Malaysia dalam membentuk dasar dan hala tuju serantau, malah membuka ruang besar untuk memperkasa sektor koperasi ke arah daya saing yang lebih lestari, inklusif dan berimpak tinggi di peringkat ASEAN. Sebagai negara yang mempunyai lebih 16,000 buah koperasi dengan keahlian mencecah 7.3 juta orang, Malaysia berada pada kedudukan yang strategik untuk menerajui usaha kolaborasi serantau dalam bidang ekonomi sosial, khususnya menerusi platform koperasi. Dengan mandat Kepengerusian ASEAN 2025, Malaysia berpeluang untuk membawa suara gerakan koperasi ke meja rundingan, menyuntik agenda keterangkuman dalam pembangunan, serta mengetengahkan potensi koperasi sebagai pemacu ekonomi masyarakat akar umbi.

Lebih menarik, tema Kepengerusian ASEAN 2025 iaitu Keterangkuman dan Kemampanan amat selari dengan nilai dan semangat yang mendasari gerakan koperasi. Keterangkuman bukan sekadar slogan, tetapi satu prinsip yang diperjuangkan oleh koperasi sejak sekian lama, memberi peluang sama rata, memperkuuh keadilan sosial dan membina komuniti yang saling menyokong. Manakala kemampanan menuntut koperasi untuk terus berkembang secara bertanggungjawab terhadap alam sekitar, masyarakat dan ekonomi, agar kekal relevan dalam menghadapi cabaran global masa kini.

Melalui kepimpinan ini, Malaysia mampu menjadi pencetus kepada beberapa inisiatif koperasi peringkat ASEAN seperti pewujudan jaringan koperasi serantau bagi perkongsian amalan terbaik dan peluang perniagaan rentas sempadan, digitalisasi koperasi ASEAN termasuk agenda pembangunan kapasiti dalam teknologi hijau dan ekonomi digital serta mengarusperdanakan koperasi dalam dokumen dasar dan pelan strategik ASEAN seperti ASEAN Economic Community (AEC) dan ASEAN Community Vision 2045.

Justeru, Majalah Dimensi Koop edisi kali ini membawakan pelbagai paparan menarik yang menjurus kepada potensi besar gerakan koperasi Malaysia dalam memanfaatkan peluang daripada Kepengerusian ASEAN 2025. Semoga naskhah yang diterjemahkan menerusi Majalah Dimensi Koop kali ini dapat membuka minda baharu kepada para pembaca bukan sekadar untuk memahami peranan Malaysia, tetapi juga menjulang gerakan koperasi ke pentas global.

Selamat membaca!!

*Mohd Zain bin Mat Yunus*

# SIDANG REDAKSI

## *Dimensi Koop*



**PENAUNG/PENASIHAT**  
DATUK MOHD ALI MANSOR  
KETUA PENGARAH



**KETUA EDITOR**  
MOHD ZAIB MAT YUNUS



**TIMBALAN KETUA EDITOR**  
NOR AZLINA KASSIM

### SIDANG EDITOR



DR. MOHD SHAHRON  
ANUAR SAID



AZMALIZA ARIFIN



NORHAYATI ABD.  
RAHMAN



SALWANA ALI



MOHD NUSI ABD  
RAHMAN



NOR ARMA ABU TALIB



HASRIN ABU HASSAN



NORANITA MOHD NOR



NOR ALYANI ABDUL  
RAZAK



JULIZAH SABSTU



INTAN NUR AZREEN  
MOHAMAD RADZI



SHARIFAH SHUZAIDA  
SAEDIN



ROHALINDA AHAD



MOHAMAD SUANDI  
MORTADZA



SHAMSIAH SYAMSUDIN



ZAHARATUL LAILI  
ZAKARIA

# KANDUNGAN

## Dimensi Koperasi

Memperkasa Gerakan  
Koperasi Melalui  
Kepengerusian  
ASEAN 2025 ke Arah  
Keterangkuman dan  
Kelestarian Serantau



8

Melangkah ke 2030  
dengan Koperasi:  
Penyelesaian  
Kesejahteraan  
Sejagat



16

Penerapan Fintech  
dalam Sektor  
Koperasi di Malaysia



22

Kriteria Laporan  
JAD yang Efektif



32

*Sense of Belonging:*  
Kepentingan dan  
Manfaatnya dalam  
Berkoperasi



**50**

Kepimpinan Inklusif  
Koperasi: Ke Arah  
Organisasi Seimbang  
dan Berdaya Saing



**58**

Peningkatan Prestasi  
Melalui Komunikasi  
Pemasaran  
Bersepadu (IMC)



**70**

Seni Peperangan  
Kini Strategi dalam  
Perniagaan



**84**

Koperasi  
Sebagai Pemacu  
Pembangunan  
Komuniti: Sinergi  
Garis Panduan SKM  
dan Nilai Islam



**92**

Perangkap Sindrom  
“Boiling Frog”

